

BAB EMPAT

HADIAH BUKU KEBANGSAAN

4.0 MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (selepas ini hanya disebut sebagai MBKM) atau sebelum ini dikenali sebagai Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) ditubuhkan pada tahun 1968 atas anjuran Kementerian Pelajaran (pada masa itu) berdasarkan perakuan pihak UNESCO dengan tujuan utamanya untuk memajukan buku dalam negara (Rabiatuladawiah Arshad 1991/92, hal. 93). Penubuhan MBKM dilaksanakan apabila ada gesaan yang disuarakan dalam mesyuarat pakar-pakar buku anjuran UNESCO di Tokyo pada tahun 1966. Sebelum penubuhan MBKM, Malaysia tidak mempunyai sebarang dasar untuk menggalakkan pengembangan buku melalui tabiat membaca dan menimba ilmu pengetahuan daripada buku.

Pentadbiran organisasi MBKM pada mulanya diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pelajaran (kini Kementerian Pendidikan). Walau bagaimanapun, tenaga kerja organisasi yang terdiri daripada pegawai kerajaan dan ahli daripada badan profesional yang ada hubungan dengan perusahaan dan kemajuan buku itu merupakan sumbangan sukarela. Pada tahun-tahun awal penubuhannya, MBKM tidak dapat menjalankan sebarang kegiatan kerana kurangnya penumpuan yang diberikan oleh tenaga kerja sukarela tersebut, dan menjadi punca paling

utama ialah masalah kewangan yang tidak mencukupi untuk menganjurkan sebarang program. Akhirnya MBKM terkubur begitu saja tanpa dapat menjalankan sebarang usaha untuk memajukan buku sebagaimana matlamat awal penubuhannya.

MBKM diwujudkan semula pada 4 November 1981 oleh Dato' Dr. Sulaiman Daud yang menjadi Menteri Pelajaran ketika itu. Penubuhan semula ini dibuat memandangkan MBKM amat perlu sebagai sebuah badan khas mewakili pihak Kementerian Pelajaran untuk memajukan bidang perbukuan di Malaysia.

Pada tahun 1982, MBKM yang diletakkan di Bahagian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan sebanyak RM100,000 daripada kerajaan untuk menjalankan kegiatan. Bermula saat itu, MBKM menjadi sebuah badan profesional yang khusus memberi nasihat kepada pihak Kementerian Pendidikan.

MBKM mempunyai sebuah majlis yang terdiri daripada wakil beberapa buah badan kerajaan yang berkaitan¹, ahli persatuan yang berkaitan dengan bidang perbukuan² dan seorang ahli individu.

¹ Ia terdiri daripada seorang wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (seorang dari Bahagian Teknologi Pendidikan dan seorang dari Bahagian Buku Teks), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Penerangan Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Dalam Negeri (dari Unit Kawalan Penerbitan).

² Ia terdiri daripada seorang wakil dari GAPENA, MABOPA, IKATAN, Persatuan Penterjemah Malaysia, Persatuan Pengimport Buku Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia, Persatuan Pembacaan Malaysia, Persatuan Pencetak-pencetak Melayu Malaysia dan Persatuan Perpustakaan Malaysia.

Aktiviti yang paling bermakna dan memberi sumbangan besar kepada bidang penerbitan buku di Malaysia yang dianjurkan oleh MBKM ialah Pesta Buku Malaysia pada setiap tahun. Pesta buku ini dianjurkan pertama kalinya pada tahun 1982 sempena kempen Gerakan Membaca yang dilancarkan pada bulan Jun 1980.

4.0.1 Matlamat MBKM

MBKM adalah sebuah badan induk yang diberi mandat oleh kerajaan untuk mengembangkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia dan membangunkan Industri Perbukuan negara melalui pelbagai program anjurannya. Majlis tidak mempunyai matlamat untuk mendapat keuntungan dari segi kewangan. Sumber kewangannya bergantung kepada peruntukan kerajaan dari semasa ke semasa dan daripada pendapatan yang diperolehi menerusi kegiatan Majlis sendiri seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Matlamat, objektif dan unsur-unsur utama program MBKM telah dipadukan dalam Dasar Buku Negara yang menjadi pegangan MBKM dalam merangkakan program dan aktivitinya.

4.0.2 Program dan Aktiviti MBKM

MBKM menganjurkan pelbagai program berteraskan Dasar Buku Negara. Dalam Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 1995

yang diterbitkan MBKM sendiri ada mencatatkan antara aktiviti MBKM adalah seperti berikut:

1. menggalakkan minat dan tabiat suka membaca di kalangan rakyat Malaysia dengan mengadakan pelbagai aktiviti pembacaan;
2. mengadakan Pesta Buku di peringkat kebangsaan dan menganjurkan penyertaan nasional di pesta-pesta buku antarabangsa setiap tahun;
3. menganjurkan latihan dan seminar berkaitan dengan industri perbukuan bagi meningkatkan mutu dan taraf profesionalisme dalam Industri Perbukuan Negara;
4. menganjurkan pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan setiap tahun;
5. menjalankan kajian menyeluruh tentang kedudukan industri perbukuan dan mengemukakan cadangan program dan strategi untuk dilaksanakan bagi membangunkan Industri Perbukuan;
6. mengadakan dialog dengan pihak-pihak yang berkenaan, khasnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MATRADE untuk menjadikan industri perbukuan sebagai salah satu industri penting negara;
7. menjalankan kajian profil membaca di peringkat kebangsaan bertujuan mengetahui tabiat dan minat membaca masyarakat Malaysia supaya satu pelan induk untuk memperbaiki keadaan ini dapat disusun; dan

8. menyelaraskan semua kegiatan pembangunan dan kemajuan buku di Malaysia.

4.1 HADIAH BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

4.1.1 Latar belakang

Hadiah Buku Kebangsaan adalah satu program pembangunan buku yang dianjurkan oleh MBKM berbentuk anugerah tahunan terbuka kepada semua penerbit buku di Malaysia. Oleh kerana peranan buku sebagai media untuk saluran dan perkembangan ilmu pengetahuan amat besar, MBKM merasakan adalah wajar mereka yang terlibat diberi anugerah setahun sekali. Anugerah ini mempunyai keunikan sendiri kerana penekanan diberi kepada aspek-aspek teknikal penerbitan sesebuah buku.

Walau bagaimanapun, aspek pengkaryaan tidak juga diabaikan.

Hadiah Buku Kebangsaan ini pertama kali diadakan pada tahun 1991 bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan pada tahun tersebut. Sejak itu, ia menjadi acara tahunan dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur sehingga tahun 1996. Pada tahun 1997 dan 1998 anugerah ini tidak diadakan kerana peruntukan kewangan untuk hadiah anugerah buku tidak mencukupi. Pertandingan Anugerah Hadiah Buku Kebangsaan akan diadakan semula pada tahun 1999 bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

4.1.2 Objektif

Hadiah Buku Kebangsaan bertujuan menggalakkan penerbitan buku-buku yang bermutu dalam bahasa Melayu dan memberi penghargaan kepada para profesional perbukuan di atas sumbangan mereka kepada pembangunan buku di negara ini.

4.1.3 Maklumat Pertandingan

Penyertaan

Penyertaan Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia terbuka kepada semua penerbit buku yang didaftarkan di Malaysia.

Pencalonan

Syarat-syarat pencalonan yang ditetapkan oleh pihak MBKM adalah seperti berikut:

1. Buku-buku yang layak dicalonkan adalah buku-buku yang diterbitkan pada tahun sebelum tahun sesuatu pertandingan diadakan. Misalnya penyertaan ke Pertandingan Hadiah Buku Kebangsaan Malaysia 1999 hendaklah mencalonkan buku-buku yang terbit pertama kali pada tahun 1998.
2. Buku-buku yang dikemukakan untuk pencalonan hendaklah diterbitkan di Malaysia dan penerbitannya diusahakan di Malaysia.
3. Buku-buku yang dikemukakan hendaklah tergolong dalam mana-mana kategori yang dipertandingkan. Buku-buku teks sekolah

tidak tergolong dalam mana-mana kategori. Oleh yang demikian, buku-buku tersebut tidak dicalonkan.

4. Buku-buku yang dicalonkan hendaklah dalam bahasa Melayu.
5. Semua terbitan mesti mengandungi dan mematuhi semua susunan dan butir-butir bibliografi, ISBN dan data pengkatalogan dalam penerbitan (CIP) seperti yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Cara pencalonan

1. Penerbit, Institusi, Urus Setia MBKM dan orang perseorangan boleh membuat pencalonan hadiah buku.
2. Pencalonan dikehendaki menghantar tidak lebih daripada **tiga (3)** judul yang terbaik bagi setiap kategori. Pengajur memerlukan **enam (6) naskhah** bagi setiap judul yang hendak dipertandingkan, kecuali buku mewah, **tiga (3) naskhah** memadai. Bagi judul bersiri, hanya satu set yang lengkap diperlukan.
3. Buku-buku yang hendak dipertandingkan berserta borang penyertaan hendaklah disampaikan kepada Majlis melalui alamat:

Urus Setia
MBKM
Kementerian Pendidikan Malaysia
Pusat Bandar Damansara
50604 Kuala Lumpur

4. Semua buku yang diserahkan untuk dipertandingkan tidak akan dikembalikan.

Pengkelasan

Buku-buku yang dipertandingkan dikelaskan kepada tiga (3) kategori yang merangkumi buku untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa.

Penghakiman

Penghakiman dilakukan oleh sebuah Panel Hakim yang terdiri daripada orang perseorangan yang ahli dalam bidang perbukuan, ahli-ahli bahasa dan sastera, pensyarah-pensyarah di jabatan-jabatan penulisan institusi pengajian tinggi dan lain-lain yang bersangkutan, terutama dari kalangan penerbit. Pengurus dan anggota Panel Hakim ini dilantik oleh pihak MBKM.

Penilaian

Penilaian dilakukan dari segi teknik penerbitan yang meliputi ilustrasi, reka bentuk, tata letak, percetakan, penjilidan dan lain-lain yang bersangkutan dengan proses penerbitan sesebuah buku termasuklah dari segi penyuntingan bahasa, pengkaryaan dan kekinian maklumat.

Hadiah

Hadiah pertandingan ini berupa wang tunai dan sijil.

Keputusan

Keputusan rasmi diumumkan pada hari perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang dijadualkan berlangsung pada satu-satu tahun. Para pemenang akan diberitahu juga melalui surat.

4.1.4 Rekod penyertaan penerbit Kategori A: Buku Kanak-kanak

- | | |
|------|------------------------------------|
| 1991 | 50 judul daripada 12 buah penerbit |
| 1992 | 20 judul daripada 9 buah penerbit |
| 1993 | 35 judul daripada 10 buah penerbit |
| 1994 | 38 judul daripada 6 buah penerbit |
| 1995 | 38 judul daripada 7 buah penerbit |
| 1996 | 30 judul |

**Jadual 4.1: Pencalonan Penerbit Dalam Hadiah Buku Kebangsaan
Dari Tahun 1991 – 1995 Untuk Kategori A: Buku Kanak-kanak**

Penerbit	Tahun Pencalonan				
	1991	1992	1993	1994	1995
Adlaunch (M) Sdn. Bhd.	-	4	3	6	12
Amiza Publishing	1	-	-	-	-
Antara Publications (M) Sdn. Bhd.	-	-	1	-	-
Arenabuku Sdn. Bhd.	-	-	-	-	8
Arus Intelek	-	-	-	-	3
Berita Publishing	-	1	-	-	-
Creative Publishing	3	-	-	-	-
Dewan Bahasa & Pustaka	6	6	9	7	7
Eastview	-	-	1	-	-
Edusystem Sdn. Bhd.	-	-	3	-	-
Federal Publications	2	1	-	-	-
Longman (M) Sdn. Bhd.	-	-	6	-	-
Mala Publications	3	-	-	-	-
Marwilis Publisher	5	-	-	-	-
Mecron	1	-	-	-	-
Penerbit Inspirasi	-	1	-	-	-
Penerbit UKM	-	3	-	-	-
Penerbitan Daya Sdn. Bhd.	-	-	-	3	-
Penerbitan Fajar Bakti	-	1	-	20	1
Penerbitan Jaya Bakti	3	-	-	-	-
Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.	-	-	-	-	5
Pustaka Antara	10	-	2	-	-
Pustaka Cipta	-	2	-	-	-
Pustaka Delta Pelajaran	3	1	6	1	2
Pustaka Pertiwi	-	10	-	-	-
Pustaka Sistem Pelajaran	3	-	-	-	-
Syarikat S.A. Majeed	-	-	2	-	-
Tempo Publishing	-	-	-	1	-
Utusan Pub. & Dist. Sdn. Bhd.	-	-	2	-	-

** Data diperolehi melalui pengumpulan daripada Buku Cenderamata Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 1991 hingga 1995

4.3 KATEGORI PERTANDINGAN

4.3.1 Kategori A: Buku Kanak-kanak

Kod Buku A1: Buku Bergambar (Warna / Hitam Putih)

Buku Bergambar ditafsirkan sebagai buku-buku cerita untuk kanak-kanak dalam lingkungan umur 12 tahun ke bawah, yang sebahagian besar kandungannya dilengkapi dengan ilustrasi (kandungan buku kira-kira 70% gambar). Kategori ini juga merangkumi buku-buku bacaan yang mengandungi fakta sebagai panduan atau rujukan kepada kanak-kanak.

Kod Buku A2: Buku Sastera

Buku sastera ditafsirkan sebagai buku-buku kreatif untuk kanak-kanak dalam lingkungan umur 12 tahun ke bawah, yang kandungan teksnya mencapai lebih kurang 70% daripada bahagian buku.

Kod Buku A3: Buku Pengetahuan / Rujukan

Buku pengetahuan ditafsirkan sebagai buku-buku yang mengandungi fakta dan ilmu pengetahuan.

Buku rujukan pula ditafsirkan sebagai buku-buku yang disusun untuk memberi maklumat tertentu. Buku-buku ini bertujuan untuk dirujuki. Buku-buku dalam kategori ini merangkumi kamus, ensiklopedia dan atlas.

Kedua-dua buku pengetahuan dan rujukan dalam kategori ini ditujukan khas untuk kanak-kanak dalam lingkungan 12 tahun ke bawah.

Kod Buku A4: Buku Terjemahan/Adaptasi (Sastera)

Buku terjemahan/adpatasi ditafsirkan sebagai buku yang diterjemah atau disesuaikan daripada bahasa lain ke bahasa Melayu. Buku-buku dalam kategori ini merupakan buku-buku kreatif untuk peringkat kanak-kanak 12 tahun ke bawah.

Kod Buku A5: Buku Terjemahan / Adaptasi (Pengetahuan)

Buku-buku dalam kategori ini juga merupakan buku-buku terjemahan atau adaptasi daripada bahasa lain ke bahasa Melayu. Buku-buku dalam kategori ini merangkumi buku-buku fakta dan ilmu pengetahuan peringkat kanak-kanak.

4.3.2 Kategori B: Buku Remaja

Kod Buku B1: Buku Sastera

Kod Buku B2: Buku Pengetahuan

Kod Buku B3: Buku Rujukan

Kod Buku B4: Buku Terjemahan/Adaptasi (Sastera)

Kod Buku B5: Buku Terjemahan/Adaptasi (Pengetahuan)

4.3.3 Kategori C: Buku Dewasa

Kod Buku C1: Buku Sastera

Kod Buku C2: Buku Pengetahuan

Kod Buku C3: Buku Rujukan

Kod Buku C4: Buku Mewah

Kod Buku C5: Buku Terjemahan/Adaptasi (Sastera)

Kod Buku C6: Buku Terjemahan/Adaptasi (Pengetahuan)

Selain kategori yang disebutkan di atas, beberapa hadiah lain disediakan seperti Hadiah Buku Kebangsaan, Penyunting Terbaik, Pereka Bentuk Terbaik, Ilustrator Terbaik dan Hadiah Khas Panel Hakim.

4.4 SENARAI PEMENANG HADIAH BUKU KEBANGSAAN 1991-1996

4.4.1 Hadiah Buku Kebangsaan 1991

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Kanak-kanak Bergambar

Judul Buku: *Kamus Bercerita*

Penerbit: Amiza

Pengarang: Salma Ishak & Rozumah Baharuddin

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Berkelah di Pantai*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Noraini Babjee

Hadiah Buku Terbaik Kategori A2: Buku Kanak-kanak Berilustrasi

Tiada Pemenang

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Singapura Dilanggar Todak*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Zainal Abidin Bakar

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Bergembira dengan Basic*

Penerbit: Federal Publications

Pengarang: Chua Chooi See

Hadiah Ilustrator Terbaik

Ilustrator: Don

Judul Buku: *Bergembira dengan Basic*

Penerbit: Federal Publications

4.4.2 Hadiah Buku Kebangsaan 1992

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Kanak-kanak Bergambar

Tiada Pemenang

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Hendak Ke Mana, Cantik?*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Mohd. Yusof Ismail

Hadiah Buku Terbaik Kategori A2: Buku Kanak-kanak Cereka/Kreatif

Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A3:

Buku Kanak-kanak Pengetahuan & Rujukan

Tiada Pemenang

Hadiah Ilustrator Terbaik

Ilustrator: Mohd. Yusof Ismail

Judul Buku: *Hendak Ke Mana, Cantik?*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

4.4.3 Hadiah Buku Kebangsaan 1993

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Kanak-kanak Bergambar

Tiada Pemenang

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Aiman ke Dusun*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Kumpulan Penulis

Hadiah Buku Terbaik Kategori A2: Buku Kanak-kanak Cereka/Kreatif

Judul Buku: *Indahnya Alamku*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Norliyah Jaafar & Adnan Abd. Majid (Penyelenggara)

Hadiah Buku Terbaik Kategori A3:

Buku Kanak-kanak Pengetahuan & Rujukan

Judul Buku: *Siri Mengenal Haiwan*

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Pengarang: Kumpulan Pengarang

Hadiah Editor Terbaik

Editor: Arshad Rawian
Judul: *Siri Mengenal Haiwan*
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

Hadiah Ilustrator Terbaik

Ilustrator: Maslil Maslor & Abdul Hadi Radzi
Judul: *Siri Mengenal Haiwan*
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka

4.4.4 Hadiah Buku Kebangsaan 1994

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Bergambar (Warna)
Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Bergambar (Hitam/Putih)
Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A2: Buku Kanak-kanak Sastera

Judul Buku: *Kai di Lembah Urda*
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka
Pengarang: Hizairi Othman

Hadiah Buku Terbaik Kategori A3:

Buku Kanak-kanak Pengetahuan & Rujukan
Tiada Pemenang

4.4.5 Hadiah Buku Kebangsaan 1995

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Bergambar (Warna)
Tiada Pemenang

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Puteri Gunung Ledang*
Penerbit: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Pengarang: Y.T.M. Raja Zarith Idris

Hadiah Buku Terbaik Kategori A1: Buku Bergambar (Hitam/Putih)
Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A2: Buku Kanak-kanak Sastera

Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A3:

Buku Kanak-kanak Pengetahuan & Rujukan
Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori A4: Buku Terjemahan/Adaptasi (Sastera)
Tiada Pemenang

Hadiah Penghargaan

Judul Buku: *Momotaro*
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka
Pengarang: Thaiyibah Sulaiman

Hadiah Ilustrator Terbaik

Ilustrator: Y.T.M. Raja Zarith Idris
Judul: *Puteri Gunung Ledang*
Penerbit: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

4.4.6 Hadiah Buku Kebangsaan 1996

Hadiah Buku Terbaik Kategori Buku Kanak-kanak (kreatif)
Judul Buku: *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*
Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Pengarang: Othman Putih & Arifin Said (Penyelenggara)

Hadiah Buku Terbaik Kategori Buku Kanak-kanak Bukan Kreatif
Tiada Pemenang

Hadiah Buku Terbaik Kategori Buku Kanak-kanak (bukan kreatif)
Hadiah Khas Juri
Judul Buku: *Jendela Dunia*
Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka